

PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Ruj. Kami : UPM/100-4/1
Tarikh : 29 Januari 2013
17 Rabiulawal 1434H

Encik Muzaffar Shah Kassim
Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD)
Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Semua staf
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia

Tuan/Puan,

MAKLUMAN PERUBAHAN DOKUMEN TERKAWAL SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) BERKUATKUASA 30 JANUARI 2013

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat beberapa penambahbaikan pada dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 yang melibatkan empat (4) dokumen di bawah skop Operasi Perkhidmatan Sokongan Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Berikut adalah perincian dokumen yang terlibat (huraian pindaan perubahan borang tersebut boleh merujuk dalam ISistem Pengurusan ISO UPM (e-ISO)).

Bil.	Kod Dokumen	Tajuk Dokumen	No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
1.	UPM/OPR/PSAS/P001	Prosedur Pengurusan Penjilidan Bahan	02	02	30.1.2013 *(P)
2.	UPM/OPR/PSAS/AK05	Arahan Kerja Pemprosesan Tesis & Laporan Projek	02	04	30.1.2013 *(P)
3.	OPR/PSAS/GP01/ILB	Garis Panduan Identifikasi dan Melabel Bahan	02	04	30.1.2013 *(P)
4.	OPR/PSAS/BR06/PLM	Borang Penilaian Program Literasi Maklumat	02	03	30.1.2013 *(P)

3. Diharap tuan/puan dapat memastikan dokumen yang diguna pakai adalah terkini dengan merujuk kepada No. Semakan, No. Isu, dan Tarikh Kuatkuasa pada dokumen tersebut. Mohon juga untuk melupus/merincih mana-mana dokumen tersenarai dengan no. semakan dan tarikh kuatkuasa **lama** untuk mengelakkan kekeliruan dan ketakakuran berlaku. Dokumen yang terkini boleh dirujuk dan dimuatturun dalam e-ISO UPM.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, Tuan/Puan, bolehlah menghubungi Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses (TWP PP) atau Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen Peneraju Proses (TPKD PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad untuk maklumat lanjut. Kerjasama dan komitmen tuan/puan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan SPK UPM.

Sekian.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang menjalankan tugas,



(ROZI TAMIN)

Pegawai Kawalan Dokumen (PKD)

Universiti Putra Malaysia

b/p: Wakil Pengurusan

s.k: Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses